

26 AUG 1998

ARZMI ANGKAT SUMPAH SETIAUSAHA POLITIK DAIM

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Ketua UMNO Bahagian Merbok Haji Arzmi Abdul Hamid hari ini mengangkat sumpah sebagai setiausaha politik kepada Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin.

Upacara ringkas itu di hadapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri, disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Sebelum pelantikannya ke jawatan itu pada 24 Julai lepas, beliau ialah seorang ahli perniagaan.

Arzmi, 43, bekas seorang guru lepasan diploma pendidikan, aktif dalam UMNO sejak 1979 dan pernah memegang beberapa jawatan penting dalam parti termasuk Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO (1993-1996).

Jawatan lain dalam parti yang pernah disandangnya ialah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Sik dan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Merbok.

-- BERNAMA

AFY MAI